

Bil. S 79

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL  
(PENGAL 147)**

**PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2013**

**SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN**

**Perenggan**

1. Gelaran.
  2. Pengisytiharan tempat terkawal.
  3. Pihak berkuasa.
-

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL  
(PENGAL 147)**

**PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2013**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5(1) dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran.**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tempat Terkawal, 2013.

**Pengisytiharan tempat terkawal.**

2. Tempat yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual di bawah ini, yang diterangkan dengan lebih khusus dalam pelan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual yang disimpan di dalam pejabat Juruukur Agung, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai tempat terkawal bagi maksud-maksud Akta tersebut.

**Pihak berkuasa.**

3. Pihak berkuasa yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah pihak berkuasa yang akan memberikan kebenaran untuk memasuki tempat terkawal itu.

**JADUAL**

| Tempat                                                                                                | Nombor Pelan | Pihak berkuasa   |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|------------------|
| Bangunan dan kawasan<br>Penjara Maraburong,<br>Kampong Maraburong,<br>Mukim Keriam,<br>Daerah Tutong. | GT120001TU   | Pengarah Penjara |

Diperbuat pada hari ini 8 haribulan Muharram, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 12 haribulan November, 2013.

PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA  
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH  
DATO PADUKA HAJI OTHMAN  
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,  
Negara Brunei Darussalam.